

TOLERANSI AGAMA: PERJUANGAN ABDURRAHMAN WAHID (GUS DUR) DI INDONESIA

RELIGIOUS TOLERANCE: THE STRUGGLE OF ABDURRAHMAN WAHID (GUS DUR) IN INDONESIA.)

Nurul Aqilah binti Mohamad Zainuzi¹

¹Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), (Email: Aqilah.zainuzi69@gmail.com)

Article history

Received date : 11-10-2022

Revised date : 12-10-2022

Accepted date : 5-12-2022

Published date : 10-12-2022

To cite this document:

Mohamad Zainuzi, N. A. (2022). Toleransi Agama: Perjuangan Abdurrahman Wahid (Gus Dur) Di Indonesia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 82 - 90.

Abstrak: Kehidupan multi-kultural sememangnya tidak dapat dihidarkan daripada kefahaman toleransi untuk diaplikasi dalam kehidupan beragama di Indonesia. Toleransi menjadi keperluan dasar dalam membangunkan kehidupan bernegara. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk sumber sekunder dari jurnal, artikel serta buku dalam pengembangan kajian ini. objektif kajian ini bertujuan untuk menilai toleransi agama, sejauh mana Gus Dur berperanan dalam membawa nilai toleransi di Indonesia dan menganalisa pengamalan agama setelah wujudnya nilai toleransi dalam penduduk Indonesia. Stereotaip dilihat menjadi faktor yang menghalang daripada wujudnya nilai toleransi dalam diri setiap pengamal agama di seluruh dunia. Dengan segala kesalahfahaman dan konflik yang semakin dimainkan kini, penulisan ini diharapkan dapat menilai kembali usaha dan perjuangan Gus Dur dalam mewujudkan nilai toleransi dalam setiap diri pengamal agama di Indonesia serta negara serantaunya.

Kata kunci: Toleransi Beragama, Peranan Gus Dur, Pengamal Agama

Abstract: In fact, multicultural life is inseparable from an understanding of tolerance to apply to religious life in Indonesia. Tolerance is a basic need for the development of national life. This study used a literature review method, and referenced secondary sources from journals, articles, and books in the conduct of this study. The purpose of this study was to assess religious tolerance, the extent to which Gus Dur played a role in bringing tolerance values into Indonesia, and to analyze religious practices following the realization of tolerance values in the Indonesian population. Stereotypes are seen as a factor preventing every religious practitioner around the world from realizing the value of tolerance. With more and more misunderstandings and conflicts now playing out, this article promises to reassess Gus Durs' efforts and struggles to realize the value of tolerance in every religious practitioner in Indonesia and abroad.

Keywords: Religious Tolerance, The Role of Gus Dur, Religious Practitioners

Pengenalan

Indonesia merupakan salah satu negara multikultural dengan pelbagai agama, budaya, suku, kebangsaan, etnik, pelbagai bahasa atau juga dikenali sebagai “*super cultural diversity*”. Menjadikan Indonesia antara negara yang sangat terdedah kepada pelbagai konflik dari segi budaya mahupun agama. Salah satu konflik yang sering terjadi di Indonesia iaitu konflik antara ummat beragama. Konflik yang terjadi perlu dipadamkan dengan semangat dan kefahaman toleransi antara penganut agama di Indonesia. Toleransi agama merupakan topik yang sering diperkatakan, dan masih banyak perbahasan yang perlu dilakukan demi mewujudkan keamanan dunia (Muda, Tohar, & Yacob, 2018).

Toleransi adalah satu bentuk penyesuaian dalam interaksi sosial. Masyarakat sosio-agama tidak dapat menafikan bahawa mereka harus bergaul bukan sahaja dengan kumpulan mereka sendiri, tetapi dengan kumpulan yang berbeza agama. Penganut agama mesti berusaha untuk membawa toleransi demi mengekalkan kestabilan sosial agar tidak berlaku konflik ideologi dan fizikal antara penganut berbeza agama (Casram, 2016).

Toleransi beragama dalam konteks kehidupan berbangsa menjadi kebutuhan mendasar agar dapat mencapai kehidupan yang harmonis di tengah pluarlitas agama. Sejak lama Indonesia dikenal negara plural baik dari segi agama, budaya mahupun politik. Hildred Geertz menggambarkan bahawa Indonesia dihuni lebih daripada tiga ratus kelompok etnik dengan identiti kebudayaan yang berbeza (Suwardiyamshah, 2017).

Permasalahan Kajian

Apabila fahaman agama dimusnahkan oleh sikap tidak bertoleransi dan radikalisme. Malah, di saat semangat solidariti sedang dirobek-robek oleh keegoan kumpulan fanatik sempit, suka untuk membawa kembali masyarakat Indonesia menyegarkan semangat dan nilai perjuangan Gus Dur dalam memperjuangkan toleransi dalam keberagamaan. Pelanggaran terhadap kebebasan beragama di beberapa bahagian di Indonesia berterusan sehingga kini. Pelanggaran kebebasan beragama ini disokong oleh undang-undang, peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh kerajaan tempatan. Indonesia mempunyai banyak kes pencabulan kebebasan beragama. Sejarah gelap konflik agama di Indonesia meliputi konflik agama di Poso pada tahun 1992, konflik Sunni dan Syiah di Jawa Timur pada tahun 2006, dan konflik agama Bogor pada tahun 2008 yang berkaitan dengan perkembangan GKI Yasmin. Konflik yang terjadi sering berlaku dalam kalangan kelompok minoriti di Indonesia. Perjuangan Indonesia untuk kebebasan beragama dan toleransi adalah perjuangan yang panjang. Sememangnya bukan mudah untuk rakyat Indonesia menangani perbezaan ini kerana kerajaan mengiktiraf enam agama rasmi iaitu Islam, Kristian, Katolik, Buddha, Hindu dan Kongchu, menjadikan Indonesia antara negara paling beragama (Mustajab, 2015).

Melihat kepada perseteruan dan perbalahan, nilai sebuah toleransi sering dipersoalkan. Makna kata agama dan toleransi itu adalah menjadi nilai penting dalam hidup yang dipenuhi dengan kehidupan keberagamaan. Dengan adanya toleransi, seseorang akan bisa menghormati dan menghargai antara kelompok atau individu dalam lingkungan tersebut. Membincangkan perihal toleransi agama di Indonesia, tidak dapat dipisahkan dengan tokoh pluralism Indonesia yang berjuang menghapuskan ketidak adilan dalam masyarakat beragama di Indonesia iaitu Gus Dur (Armanhu, 2016).

Gus Dur hanya sempat memerintah Indonesia untuk 22 bulan sahaja. Namun, tempoh 22 bulan cukup meninggalkan kesan yang mendalam buat penduduk Indonesia dengan reformasi yang

dibawa oleh Gus Dur. Hal ini kerana Gus Dur telah membela kaum minoriti sepanjang hidupnya dan sangat lantang menentang dakwaan keganasan dan ketidakadilan. Gus Dur yang berani membenarkan agama baru iaitu Konfusianisme (Kongchu) sebagai agama rasmi di Indonesia. Menurut Gus Dur, Tuhan tidak perlu dilindungi, tetapi manusia sebagai makhluk harus dilindungi. Dengan tindakan berani yang diambil oleh Gus Dur telah mengurangkan diskriminasi terhadap orang Cina yang telah dirasai sejak zaman Orde Baru. Kebebasan dan kepercayaan telah dapat dirasai oleh penganut agama Kongchu bermula zaman pemerintahan Gus Dur. Gus dur berani mencipta kepelbagaiannya ini (Hadikusuma, 2010).

Artikel ini akan menelusuri pengamalan agama di Indonesia dan pengaruh serta peranan yang telah diperjuangkan oleh Gus Dur sepanjang kehidupan beliau.

Objektif Kajian

1. Menilai toleransi antara penganut agama.
2. Mengkaji peranan Gus Dur dalam usaha mewujudkan toleransi agama.
3. Analisis kesan toleransi agama terhadap pengamalan agama di Indonesia.

Sorotan Literatur

Perbahasan, wacana dan penulisan berkenaan konflik agama tidak pernah surut dibincangkan. Dalam artikel (Casram 2016), *Membangun sikap toleransi beragama dalam masyarakat plural* mengkaji realiti kehidupan sosial masyarakat Indonesia yang berbeza keyakinan agama, dan budaya bagi mewujudkan keharmonian antara mereka. Casram berpendapat, toleransi agama yang ideal mestinya dibangunkan melalui penglibatan aktif semua anggota masyarakat beragama yang pelbagai bagi mencapai tujuan yang sama atas dasar kebersamaan, sikap inklusif, rasa hormat dan saling memahami segala acara keagamaan yang dianuti oleh ahli agama masing-masing.

Konsep toleransi juga banyak dibincangkan seperti dalam penulisan (Bakar, 2015) *Konsep toleransi dan kebebasan agama* yang membincangkan mengenai konsep agama serta kebebasan agama mengikut acuan yang sebenar. Penulisan ini lebih memfokuskan berkenaan konsep tiada paksaan dalam beragama dan kepercayaan setiap individu. Istilah toleransi dalam konteks sosial budaya dana agama bererti sikap atau perbuatan yang melarang adanya diskriminasi terhadap kelompok atau golongan yang berbeza dalam sebuah masyarakat. Islam sebagai agama *Rahmatan Lil'alamin* sentiasa menghormati perbezaan dan menerima semua perbezaan yang wujud antara makhluk.

Prinsip Pemikiran Gus Dur sangat menginspirasi dalam menangani pelbagai isu agama dan etnik yang dihadapi bangsa Indonesia. Baginya, doktrin Islam kenegaraan adalah doktrin keadilan dan kemasyarakatan. Untuk ini, ideologi yang relevan di Indonesia adalah Pancasila, lebih-lebih lagi, demokrasi adalah kebebasan, keadilan dan perundingan seperti yang ditulis di dalam jurnal bertajuk *Pemikiran keagamaan dan kebangsaan Gus Dur*. Demokrasi harus diperjuangkan secara sistematik, berbudaya dan berkesinambungan tanpa radikalisme, oleh kerana itu pluralisme adalah jaminan bahawa setiap warga negara Indonesia akan beribadat menurut kepercayaan agamanya dan rasa amannya. Ummat Islam Indonesia mempunyai khazanah tersendiri dalam menghayati ajaran agama (Muh.Rosli, 2015).

Berdasarkan hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa kecerdasan emosi memberi kesan positif terhadap toleransi beragama pelajar. “*Peranan kecerdasan emosi dalam meningkatkan toleransi beragama*” menarik dibincangkan oleh (Ghufron, 2016). Semakin tinggi skor

kecerdasan emosi pelajar, semakin tinggi toleransi agama pelajar. Hasil kajian ini memberi penjelasan dan penegasan tentang kepentingan kecerdasan emosi dalam kehidupan. Terutama dalam kehidupan yang berbeza, seperti perbezaan suku, bahasa, kaum dan agama, untuk meningkatkan toleransi terhadap perbezaan.

Melihat kepada pengamalan agama di rantau ini, Malaysia juga tidak terkecuali dengan cabaran konflik antara rakyat berbeza agama dan bangsa kerana Malaysia juga negara multi-etnik dan agama Islam sebagai agama rasmi. *The relation between religious tolerance and ethnic relation practices among multi-ethnic youth in Malaysia* menarik disorot kerana penulis memfokuskan berkenaan toleransi agama di Malaysia (Muda, Mastor, Idris, & Tohar , 2018) dalam meneladani negara serantau dalam Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa amalan dalam hubungan etnik berkait sederhana dengan sikap toleransi agama individu. Amalan yang dikaitkan dengan kaum lain-lain, bagaimanapun, bukanlah asas toleransi beragama. Tanpa mengira latar belakang etnik, rata-rata belia dalam kajian ini mempunyai sikap tolong-menolong dan nilai-nilai murni. Nilai-nilai ini dapat membantu mengukuhkan toleransi beragama untuk semua orang. Kunci kepada toleransi beragama yang hebat ialah memberi dan menghormati setiap orang yang beriman. Akhir sekali, membina hubungan baik dengan pelbagai kumpulan etnik dalam kehidupan seharian dan mengiktiraf pegangan asas agama lain demi menjaga keharmonian agama.

Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan penyelidikan kepustakaan yang melibatkan data sekunder untuk penulisan ini. sumber rujukan seperti buku, jurnal, tesis dan laporan berita menjadi bahan utama dalam pengumpulan data kajian. Sumber beikut diperoleh daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM, Bangi). Lewat laman sesawang jurnal dan Perpustakaan Digital daripada intitut pengajian yang lain juga penulis peroleh bagi cara memperoleh bahan rujukan sebagai kajian.

Hasil Kajian / Hasil Dan Perbahasan

1. Toleransi Beragama

Sehingga pertengahan tahun 2022, data menunjukkan jumlah kependudukan penduduk Indonesia adalah sebanyak 275,77 juta orang (Statistik, 2022). Dengan jumlah penduduk yang ramai, anutan agama, budaya, ras, etnik dan bahasa yang pelbagai, konflik akan senantiasa ada dalam kehidupan di Indonesia terutamanya dalam hal keagamaan. Dalam konteks ini, pemodenan dan globalisasi, yang memacu kemajuan sains, teknologi, dan demokrasi, memainkan peranan penting dalam penyebaran dan pembahagian kuasa agama, yang turut menyumbang kepada dinamik dan kerumitan politik Islam. (Azra, Hassan, Yusdani, & Qodir, 2020)

Toleransi agama dalam konteks kehidupan pelbagai bangsa menjadi keperluan yang utama agar dapat mencapai matlamat kehidupan harmoni dan hegemoni agama wujud dalam setiap penganut agama di Indonesia. Sekian lama Indonesia dikenali sebagai agama plural sama ada dari aspek agama, budaya mahupun politik. Perkataan toleransi berasal daripada bahasa Latin *tolerare*, yang bermaksud bertahan. Toleransi di sini ditakrifkan sebagai bertolak ansur walaupun seseorang itu tidak menyukainya; atau memberi ruang kepada seseorang, walaupun mereka tidak bersetuju. Toleransi dengan itu menunjukkan bahawa terdapat kesanggupan untuk menerima hakikat perbezaan setiap manusia. *Webster's New American Dictionary* menyatakan bahawa toleransi adalah *liberty toward the opinions of others, patients with other* (memberi

kebebasan atau membenarkan pendapat orang lain, bersabar dengan orang lain) (Yunus, 2014). Toleransi bermaksud memberi laluan kepada pendapat yang berbeza. Pada masa yang sama, sikap menghargai perbezaan pendapat disertai dengan sikap menahan diri atau sabar. Oleh itu, antara orang yang berbeza pendapat perlu ada sikap yang konsisten iaitu saling menghargai dalam sikap sabar.

Toleransi ialah sikap dan tindakan yang melarang diskriminasi terhadap kumpulan atau kumpulan berbeza yang tidak boleh diterima oleh majoriti masyarakat. Menurut Ali Masrur, salah satu masalah komunikasi antara agama dewasa ini khususnya di Indonesia ialah timbulnya sikap toleransi malas yang digunakan oleh P.Knitter. Sikap ini adalah hasil daripada cara pertemuan tidak langsung pertemuan antara agama, terutamanya berkaitan isu teologi yang sensitif. Buat penganut agama enggan membincangkan isu agama yang serius dengan betul. Oleh kerana itu, pertukaran antara kedua-dua pihak hanyalah pertukaran biasa, dan tidak ada kena mengena dengan kepercayaan masing-masing. Ini memuaskan hati kedua-dua pihak, yang mengesyaki beberapa parti politik berbeza agama adalah salah satu punca konflik antara agama.

Terdapat dua jenis toleransi beragama: satu ialah toleransi agama negatif, iaitu sikap menerima perbezaan sebagai fakta. Kedua, toleransi beragama yang positif, iaitu toleransi terhadap diri sendiri dan orang lain dalam perbezaan dan kepelbagaian. Toleransi positif adalah ajaran semua agama (Mohammad Rosyidi, 2019). Intipati toleransi adalah hidup bersama secara aman dalam kepelbagaian dan saling menghormati. Amalan toleransi sesebuah negara sering mengalami pasang surut. Pasang surut ini dicetuskan dengan memfokuskan pada makna unik hubungan antara "mereka" dan "kita."

Toleransi beragama sepenuh hati melahirkan toleransi sesama umat beragama. Sikap ini menganggap agama sendiri adalah benar, tetapi masih membuka ruang untuk menyatakan kebenaran agama lain yang dipercayai oleh umatnya sebagai benar. Sikap inklusif penganut agama akan dapat memusnahkan sikap ekstremis dan xenofobia penganut agama, yang sering membawa kepada fanatik buta dan radikalisme terhadap penganut berlainan agama, malah keganasan yang berterusan (Casram, Membangun Sikap Toleransi Beragama Dalam Masyarakat Plural, 2016). Toleransi sudah cukup untuk menuntut sikap yang membenarkan dan bukannya menyakitkan hati orang atau kumpulan lain, sama ada berbeza atau sama. Toleransi dipupuk melalui rasa bebas daripada tekanan atau pengaruh dalam apa juu bentuk dan mengelakkan kemunafikan.

Toleransi bermaksud dapat membentuk institusi yang menjamin keselamatan diri, keselamatan harta benda, dan golongan minoriti dalam masyarakat. Ini dicapai dengan menghormati agama, akhlak dan institusi mereka serta menghargai pendapat orang lain dan perbezaan yang wujud dalam persekitaran mereka, daripada terpaksa bercanggah pendapat dengan orang lain hanya kerana fahaman atau agama yang berbeza. Dari segi agama, toleransi merangkumi isu-isu keimanan dalam diri manusia yang berkaitan dengan kepercayaan atau ketuhanan yang mereka percayai. Seseorang itu harus diberi kebebasan untuk mempercayai dan menerima agama pilihannya serta menghormati pelaksanaan ajaran yang dipegang atau diyakininya.

2. Peranan Gus Dur

Perihal toleransi agama di Indonesia bermula daripada pemerintahan K.H Abdurrahman Wahid iaitu Gus Dur. Menurut Gus Dur, toleransi merupakan proses penting untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat dan agama. Kerana toleransi bukan sahaja dicipta, tetapi juga sesuatu yang mesti dirawat atau dijaga. Indonesia telah mengalami perubahan yang begitu pesat

dengan kejatuhan rejim Suharto yang digerakkan oleh mahasiswa atau gerakan reformasi pada tahun 1998. Usaha-usaha Gus Dur dapat dilihat dalam melalui dasar dan teladan beliau dalam meladani penganut-penganut agama di sana antaranya ialah dengan hubungan positif dalam kerangka kehidupan yang lebih besar. Dalam konteks ini, toleransi Abdurrahman Wahid juga lebih sesuai dipanggil sebagai toleransi etno-agama. Maksudnya, di samping membina hubungan yang positif sebagai tindak balas terhadap agama lain, ia juga harus menjurus kepada cara mewujudkan kehidupan yang aman, sama rata dan saksama dalam kehidupan pelbagai bangsa.

Menurut Gus Dur dalam penulisan Abas, toleransi juga tidak bergantung kepada kekayaan material, kerana ia boleh berlaku kepada semua orang (Azra, et al., 2020). Dengan kata lain, toleransi beragama, seperti yang dirujuk oleh Abdul Rahman Wahid, bukan sahaja membawa kepada penghormatan dan pengiktirafan, tetapi juga kepada penerimaan perbezaan agama dan status sosial. Ruang pelaksanaan ini menjadi titik tekanan kepada pemikiran Gus Dur tentang toleransi.

Dari segi pengaruhnya di Indonesia, Gus Dur merupakan tokoh yang disegani dalam memasyarakatkan gagasan pluralisme agama. Gus Dur merupakan antara tokoh yang paling berpengaruh dan kontroversi dalam segala bentuk tindakan dan pemikiran. Beliau menjadi landasan pelindung terhadap segala bentuk ketidakadilan. Walaupun dikenali sebagai pemimpin yang sentiasa mencetuskan rasa tidak selesa rakyat dan seterus politik, kemampuan beliau tidak dapat dinafikan kerana keberhasilan beliau memperjuangkan kerjanya serta mempertahankan hak minoriti dan pelbagai lagi ketidaksamaan sosial dalam negara (Suwardiyamshah, 2017). Gus Dur selalu berpesan agar kita sentiasa berfikiran positif tentang orang lain yang berbeza dengan kita. Ini penting untuk membangunkan komunikasi yang baik untuk menjelaskan dan membincangkan isu-isu biasa. Demokrasi dalam hal ini adalah jaminan bahawa setiap agama diberikan taraf yang sama.

Bagi mengatasi masalah perpecahan dan konflik antara agama, Gus Dur memberikan kebebasan dalam kehidupan sosial dan keagamaan (Suwardiyamshah, 2017). Dalam *Keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 6 tahun 2000 tentang Pencabutan Instruksi Presiden Nomor 14 Tahun 1967 Tentang Agama, Kepercayaan, Dan Adat Istiadat Cina* telah menetapkan(rujukan Keputusan Presiden Republik Indonesia):

- I. Penarikan Arahan Presiden No. 14 Tahun 1967 tentang Agama, Kepercayaan dan Adat Istiadat Cina.
- II. Semua ketentuan pelaksanaan Keputusan Presiden No. 14 Tahun 1967 tentang agama, kepercayaan dan adat istiadat Cina akan mulai berlaku setelah keputusan Presiden tersebut.
- III. Organisasi aktiviti keagamaan, kepercayaan dan adat resam Cina tidak memerlukan kebenaran khas di sini, seperti biasa (Wahid, 2000).

Arahan perjanjian ini yang dilaksanakan sejurus dilantik menjadi Presiden menunjukkan bahawa nilai toleransi yang ingin diwujudkan oleh Gus Dur adalah sangat penting bagi mewujudkan bangsa Indonesia *multicultural* yang harmoni. Dengan Keputusan Presiden ini, Orang Cina yang disekat semasa Orde Baru telah bebas mengamalkan agama mereka dan menyatakan budaya mereka secara terbuka, seperti persembahan Barongsai.

Jadi pemikiran Gus Dur sangat relevan apabila hendak menghapuskan semua peruntukan perkauman dan diskriminasi daripada badan pemerintahan Indonesia. Pada asasnya, idea itu

adalah untuk mencerminkan nilai-nilai yang terkandung dalam semangat anti-perkauman dalam jiwa dan kehidupan semua elemen negara. Nilai keikhlasan, semangat memerangi perkauman, dan menghormati sesama warganegara. Ini amat penting untuk masa depan negara pada masa hadapan. Muhibah Gus Dur menentang perkauman tidak lebih daripada memupuk penghargaan terhadap perbezaan dalam masyarakat heterogen kita. Dasar itu juga menyatakan Gusdus mahu semua etnik yang tinggal di negara ini saling menghormati antara satu sama lain.

Idea toleransi beragama Gus Dur bukan sahaja menggunakan produk pemikiran Islam tradisional, tetapi juga menekankan penggunaan metodologi (*manhaj*), teori hukum (*ushul fiqh*), dan kaedah-kaedah penetapan hukum (*Qawa'id Fiqhiyah*) dalam kerangka pembuatan suatu penciptaan sintesis sebagai tindak balas kepada perubahan sebenar dalam masyarakat (Muh.Rosli, 2015), seterusnya mengelakkan konflik antara agama. Maka pengaruh pemikiran toleransi Abdulrahman Wahid dapat dilihat dalam konteks Indonesia seperti berikut:

1. Keganasan di Indonesia;
2. Kes Ahmadiyah;
3. Melabelkan orang Kristian dan Yahudi sebagai kafir;
4. Dilarang mengucapkan Merry Christmas;
5. Mengutuk sekeras-kerasnya peristiwa besar Perhimpunan Agung Gereja Indonesia (DGI, kini PGI) di Manado pada tahun 1980;
6. Pembebasan orang Cina (Suwardiyamshah, 2017)

Pertama, refleksi Gus Dur tentang toleransi adalah hasil proses dialog antara ilmu agama (ulumuddin), falsafah Pancasila dan realiti sosial. Cara berfikir tentang toleransi yang digunakan oleh Abdurrahman Wahid menggabungkan cara berfikir induktif dan deduktif. Oleh itu, pada pandangan beliau, toleransi beragama lebih menitikberatkan isu aksiologi yang positif. Konsep toleransi berkait rapat dengan gagasan pluralisme dan demokrasi beliau. Jika pluralisme adalah cara untuk menerima pelbagai agama, dan demokrasi adalah sistem negara yang menampung pelbagai agama, maka toleransi agama adalah interaksi antara pelbagai agama. Toleransi agama Gus Dur menekankan isu aksiologi dan kebimbangan terhadap realiti pluralis.

Kedua, idea-idea Gus Dur mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan toleransi beragama di Indonesia, lihat sahaja bagaimana beberapa idea beliau dalam bidang agama, politik dan nasional membawa perubahan bagi pandangan kebanyakan orang Indonesia, yang menjadikannya sebagai asas perlindungan. menentang segala bentuk ketidakadilan. Idea-idea pluralisme yang dikembangkannya, isu keganasan yang dilihatnya sebagai tingkah laku militan yang menyimpang, isu pembelaannya terhadap kes Ahmadiyah, tentang sama ada boleh mengucapkan Selamat Hari Krismas dan meraikan hari besar agama lain. Lebih menakjubkan ialah pembebasan.Hak beragama warganegara China, penunjukan rasmi agama Konghuchu sebagai agama rasmi Indonesia, semua ini adalah hasil pemikiran Gus Dur yang akhirnya memberi impak yang besar di Indonesia (Suwardiyamshah, 2017).

Maka sangat relevan di balik gagasan Gus Dur ketika menghapus segala peraturan yang bersifat rasis dan diskriminatif di tubuh Indonesia. Lahirya gagasan tersebut bertujuan agar nilai-nilai yang terkandung dalam spirit antirasisme memantul ke dalam jiwa dan kehidupan seluruh elemen bangsa. Nilai ketulusan, semangat perjuangan antirasisme, serta menghormati terhadap sesama antarwarga bangsa. Ini sangat penting untuk masa depan bangsa di masa mendatang.

3. Kesan Toleransi Agama Terhadap Pengamalan Agama

Ketika era Orde Baru, Konfusianisme (Kongchu) adalah haram di Indoensia. Ianya sebuah agama yang tidak diiktiraf pada era pemerintahan itu. Selepas reformasi, Konfusianisme dapat berkembang semula. Ini adalah perkara yang baik untuk agama Konfusianisme itu sendiri dan untuk orang Cina secara amnya.

Gus Dur, yang sering disebut sebagai sarjana Islam neo-modernis, mengaitkan toleransi dengan ajaran universal dan kosmopolitanisme Islam, berdasarkan lima jaminan atas kumpulan. Melalui toleransi yang benar, menjalani kehidupan sebagai penganut agama menjadi lebih selamat dan mudah. Dengan toleransi juga, pemerintah dapat memberi jaminan dan keyakinan buat semua penduduk Indonesia. Antara jaminan dan keadilan yang diberikan oleh pemerintahan Gus Dur, jaminan atas yang pertama ialah keselamatan diri anggota masyarakat tidak akan terjejas oleh tingkah laku fizikal selain daripada yang ditetapkan oleh undang-undang. Memastikan keselamatan diri masyarakat memerlukan kerajaan melayan semua anggota masyarakat secara adil dan mengikut hak masing-masing, tanpa terkecuali.

Yang kedua adalah untuk menjaga kepercayaan agama mereka dan bukan untuk memaksa mereka untuk menukar agama. Jaminan ini adalah berdasarkan sikap saling hormat-menghormati di kalangan ahli komuniti, yang akan menggalakkan pembangunan rangka kerja keterangkuman dan persefahaman bersama. Ketiga, keselamatan ahli keluarga dan generasi akan datang. Keempat, keselamatan harta dan harta peribadi di luar proses undang-undang. Kelima, keselamatan pekerjaan. Jaminan atas keselamatan pekerjaan menampilkkan satu lagi imej kesejagatan ajaran Islam. Penghayatan kebebasan profesional bermakna kebebasan untuk memilih risiko sendiri tentang kejayaan yang ingin dicapai dan kegagalan untuk menutupinya.

Melalui jaminan atas yang telah diusahakan oleh Gus Dur, kita dapat lihat sebuah pembangunan kehidupan agama secara inklusif di Indonesia. Hal ini kerana, agama sering disalah pandang oleh manusia, kerana ia sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia, sering diberikan pandangan hidup yang eksklusif atau radikal, malah mengabaikan makna agama. Kedua, Pancasila sebagai ideologi kebangsaan merupakan sumber hukum dan tidak dipengaruhi oleh agama manapun. Kemunculan undang-undang Syariah di berbagai wilayah di Indonesia menunjukkan betapa peranan Pancasila telah “diserap” oleh bayang-bayang kekuasaan agama.

Ketiga, toleransi beragama bukan sahaja tercermin dalam ruang penghormatan dan pengiktirafan, tetapi juga berusaha untuk memupuk semangat kekitaan, yang boleh difahami sebagai tanggungjawab setiap penganut agama untuk mempertahankan dan mengukuhkan kepelbagaian. Dengan demikian, sikap intoleransi menurut Gus Dur adalah sikap yang menunjukkan sikap sompong dan merasa paling benar sendiri sehingga menafikan kebenaran yang diyakini oleh orang lain. Hal ini mengindikasikan rendahnya kualitas iman seseorang. Semua makhluk apapun itu agamanya, rasnya, suku dan bangsa, kerana akal dan fikiran hanya daripada Allah SWT.

Kesimpulan

Salah satu punca konflik adalah kerana *stereotaip* satu kumpulan terhadap kumpulan lain yang berbeza agama. Terdapat kes-kes yang kerap berlaku dalam dunia cubaan untuk menyerang antara satu sama lain, membunuh antara satu sama lain, membakar rumah ibadat dan tempat-tempat bernilai bagi orang beragama. Sejak beberapa dekad yang lalu, banyak kumpulan agama lain telah stereotaip umat Islam sebagai radikal, tidak bertolak ansur, dan fundamentalis apabila

melihat agama lain. Walaupun orang Kristian dikenali sebagai orang yang agresif dan bercita-cita tinggi, mereka mungkin menguasai setiap aspek kehidupan manusia.

Dasar yang diisyiharkan oleh Gus Dur berguna kepada masyarakat. Selain daripada masyarakat yang didiskriminasi, satu lagi aspek yang dilakukan oleh Gus Dur adalah untuk mengekalkan keharmonian dan menggalakkan hubungan sesama manusia tanpa membezakan bangsa, etnik, dan sebagainya. Toleransi beragama tidak bererti bahawa seseorang yang telah mempunyai keyakinan kemudian berpindah atau merubah keyakinannya untuk mengikuti dan berbaur keyakinan atau peribadatan agama yang lain. Masyarakat multicultural terpola oleh kergaman budaya termasuk keragaman agama. Ianya sangat diperlukan untuk menciptakan keseimbangan dan kohesi sosial dalam masyarakat mutikultural.

Rujukan

- Muh.Rosli. (2015). Pemikiran Keagamaan & Kebangsaan Gus Dur . *Jurnal Farabi* , 1-22.
- Statistik, B. P. (2022). *Terus Meningkat, Jumlah Penduduk RI Tembus 275, 77 Juta hingga Pertengahan 2022 Indonesia*. Jakarta,Indonesia.
- Azra, A., Hassan, N., Yusdani, & Qodir, Z. (2020). *Islam Indonesia 2020*. Yogyakarta: UII Press Yogyakarta.
- Mustajab, A. (2015). Kebijakan Politik Gus Dur Terhadap China Tionghua di Indonesia. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*, 153-191.
- Casram. (2016). Membangun Sikap Toleransi Beragama Dalam Masyarakat Plural. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*, 187-198.
- Muda, K., Tohar, S. N., & Yacob, S. N. (2018). The Relationship between Religious Tolerance and Ethnic Relation Practices among Multi-Ethnic Youth in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 475-486.
- Ghufron, M. N. (2016). Peranan Kecerdasan Emosi Dalam Meningkatkan toleransi Beragama. *Fikrah: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan*, 138-153.
- Casram. (2016). Membangun Sikap Toleransi Beragama dalam Masyarakat Plural. *Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*, 187-198.
- Muda, K., Mastor, K. A., Idris, F., & Tohar , S. A. (2018). The Relationship between Religious Tolerance and Ethnic Relation Practices among Multi-Ethnic Youth in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business& Social Scieve*, 475-486.
- Muharam, R. S. (2020). Membangun Toleransi Umat Beragama Di Indonesia Berdasarkan Konsep Deklarasi Kairo (Creating Religion Tolerance in Indonesia Based on the Declaration of Cairo Concept). *Jurnal HAM*, 269-283.
- Suwardiyamshah. (2017). Pemikiran Abdurrahman Wahid Tentang Toleransi Beragama . *Al-Irsyad: Jurnal Pendidikan dan Konseling*, 151-163.
- Bakar, A. (2015). Konsep Toleransi dan Kebebasan Agama. *Toleransi: Media Komunikasi dan Umat Bergama*, 123-131.
- Yunus, F. M. (2014). Konflik Agama Di Indonesia, Problem dan Solusi Pemecahannya. *Substantia*, 217-228.
- Azra, A., Hasan, N., Yusdani, Qodir, Z., Qibtiyah, A., Kholis, N., Robby, H. M. (2020). *Islam Indonesia 2020*. Yogyakarta: UII Press Yogyakarta.
- Wahid, A. (2000). *Keputusan Presiden Republik Indonesia*. Jakarta.
- Armanhu, D. (2016). *Kerusuhan Pecah di Tanjungbalai, Rumah Ibadah Dibakar*. CNN.
- Mohammad Rosyidi, A.-A. M. (2019). Konsep Toleransi Dalam Islam Dan Implementasinya Di Masyarakat Indonesia. *Jurnal Madaniyah*, 277-296.
- Hadikusuma, W. (2010). Agama dan Resolusi Konflik. 1-10.